**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 12 JULAI 2018 (KHAMIS)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Utusan Malaysia** | |
| - Retak menanti belah | 22 |
| **The Star** | |
| - Shah Alam makes Top 30 list online competition | 04 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR


| KERATAN AKHBAR<br>12 JULAI 2018 (KHAMIS) | |
|---|---|
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | Retak menanti belah |
| Muka Surat | 22 |




KHAMIS • 12.07.2018

# UTUSAN KOTA

**Unit Berita Kota**
44, Jalan Utusan,
Melalui Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
facebook: Utusan Kota
Twitter: @UtusanKota
Laman web: www.utusan.com.my

LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA




BRYAN LAI melihat rumah penduduk yang rosak akibat hakisan dan tanah mendap di Jalan Bunga Tanjung 2, Taman Muda, Ampang Jaya, Selangor.

REKAHAN pada struktur konkrit.

ISU RAKYAT

Kediaman 44 keluarga di Taman Muda diancam tanah mendap, hakisan

## Retak menanti belah

um 12/7/18 MS 22.

Oleh **NIK HAFIZUL BAHARUDDIN**
kota@utusangroup.com.my

**AMPANG JAYA 11 JULAI**

MENUNGGU masa untuk roboh. Itu kebimbangan dihadapi 44 buah keluarga di Jalan Bunga Tanjung 2, Taman Muda di sini ekoran keadaan rumah mereka yang kian retak akibat hakisan dan tanah mendap.

Masalah yang berlaku sejak puluhan tahun lalu itu dibimbangi akan mengulangi kejadian 30 tahun lalu yang menyebabkan beberapa unit rumah di kawasan tersebut terpaksa dirobohkan kerana tidak lagi selamat untuk didiami.

Tinjauan *Utusan Malaysia* ke kawasan berkenaan hari ini mendapati, kebimbangan penduduk berasas apabila keadaan tebing sungai yang terletak kira-kira lima meter di belakang rumah mereka mengalami hakisan dan tanah mendap.

Masalah itu turut boleh dilihat dengan jelas pada lantai konkrit yang dibina di belakang rumah bagi tujuan mengukuhkan struktur tapak rumah mereka yang hanya menunggu masa untuk roboh ke dasar sungai.

Keadaan itu menunjukkan tapak kediaman penduduk semakin terjejas akibat pergerakan bawah tanah.

Kesan daripada mendapan tanah juga menyebabkan berlaku rekahan teruk pada struktur konkrit mencecah ukuran kira-kira setengah meter panjang.

Masalah itu jika tidak ditangani dengan segera dibimbangi akan mengundang permasalahan lebih serius sekali gus mengancam keselamatan nyawa penduduk.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teratai, Bryan Lai Wai Chong berkata, beliau akan memanjangkan isu itu kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) untuk mencari penyelesaian, selepas lawatan tapak dengan pegawai dari Jabatan Bangunan dan Senibina.

"MPAJ telah maklum mengenai perkara ini dan meminta senarai pemilik rumah yang terjejas dan akan membuka fail siasatan.

"Saya harap pihak berkaitan sama ada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) atau MPAJ dapat mengambil tindakan bagi mengatasi masalah ini daripada menjadi lebih serius," katanya semasa kunjungan ke lokasi itu baru-baru ini.

### REAKSI

**HAKISAN DI TAMAN MUDA**



KAMI telah menutup celah-celah keretakan itu melalui pengubahsuaian dinding yang baru. Bagaimanapun, masalah retak tetap berlaku menyebabkan kami buntu untuk melakukan tindakan seterusnya dalam usaha menyelamatkan rumah kami."

**ROZIYAH MAJID**
Penduduk



PIHAK berwajib dan pemaju perumahan perlu mengambil tindakan pantas dan sewajarnya untuk menyelamatkan rumah penduduk daripada ditimpa bencana. Mereka perlu membina semula tebing sungai dan lantai dengan bahan yang lebih tahan dan selamat."

**YONG VOON SHIN**
Penduduk



PENDUDUK risau terutama apabila hujan lebat kerana permukaan konkrit pada tebing sungai itu tidak lagi kukuh dan semakin banyak yang pecah."

**KONG PEEIM**
Penduduk

> MPAJ telah maklum mengenai perkara ini dan meminta senarai pemilik rumah yang terjejas dan akan membuka fail siasatan."
>
> **BRYAN LAI WAI CHONG**
> ADUN Teratai



BRYAN LAI meninjau keadaan tebing sungai di belakang rumah penduduk yang terbiar tanpa penyelenggaraan.

KESAN retak pada rumah penduduk akibat tanah mendap yang berlaku sejak beberapa tahun lalu.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>12 JULAI 2018 (KHAMIS)** | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | Shah Alam makes Top 30 list online competition |
| Muka Surat | 04 |

# Shah Alam makes Top 30 list in online competition

TS 12/7/18 M/S 04.

SHAH Alam City Council (MBSA) has made it to the top 30 list of 47 sustainable cities in the world in the We Love Cities 2018 competition.

MBSA is at the 22nd place.

The competition by the World Wide Fund For Nature (WWF) saw Shah Alam ahead of Istanbul, Tokyo, Vancouver, Cleveland and Santiago.

We Love Cities is a social media campaign created to encourage people around the world to express their love and support for the efforts taken by cities to tackle climate change and to ensure a climate-safe future for all.

The campaign from April 26 to June 19 welcomed people across the globe to vote their favourite cities, share what they love about them and submit ideas for making the city even better via Instagram and Twitter.

In total, there were more than six million social media interactions, votes and suggestions during the campaign period.

Shah Alam was also ahead of Kuala Lumpur and Melaka, which were placed 23rd and 30th in the national level of the competition, respectively.

Jakarta won the title of Most Lovable Sustainable City 2018.

MBSA corporate communications head Shahrin Ahmad hoped the placement would create a sense of belonging among Shah Alam residents, and the council thanked those who voted and supported Shah Alam in the competition.



Shah Alam came out 22nd in the We Love Cities 2018 competition as a result of people's online votes.